

## **MEMAHAMI KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL PEDAGOGI HIKMAH PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH**

**NURUL SAKINAH AZIZ**  
[p105319@siswa.ukm.edu.my](mailto:p105319@siswa.ukm.edu.my)

**HAFIZHAH ZULKIFLI**  
[hafizhah\\_zulkifli@ukm.edu.my](mailto:hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Pengajaran Guru Pendidikan Islam yang masih bersifat konvensional dan penguasaan ilmu pedagogikal KBAT yang masih lagi rendah menjadi satu halangan kepada proses pengajaran KBAT di dalam kelas. Dengan itu, modul Pedagogi Hikmah yang menerapkan kaedah pengajaran inkuiri dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan KBAT dalam kalangan pelajar dan juga guru. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan pembinaan modul pedagogi Hikmah Pendidikan Islam yang berpandukan kepada model ADDIE. Model ADDIE menggariskan 5 fasa asas pembinaan modul iaitu fasa analisis (analysis), pembangunan (development), rekabentuk (design), aplikasi (implementation) dan penilaian (evaluation). Oleh itu, kajian ini bertujuan menghuraikan dapatan bagi fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan yang dijalankan secara temubual separa berstruktur ke atas guru pendidikan Islam. Hasil analisis temubual mendapati terdapat lima tema yang diperlukan bagi pembinaan modul Pedagogi Hikmah ini iaitu berpusatkan pelajar, aktiviti PAK 21, pembelajaran kolaboratif, menyeronokkan dan perbezaan mengikut tahap kelas serta kemampuan pelajar. Hasil dapatan ini menjadi sumber pembaharuan dan kayu ukur kepada pengkaji dalam pembinaan modul Pedagogi Hikmah bagi subjek Pendidikan Islam sekolah menengah.

**Kata kunci: Pedagogi Hikmah, KBAT, Pendidikan Islam, model ADDIE**

### **1. Pendahuluan**

Laporan terbaru Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2018 melaporkan bahawa tahap pencapaian pelajar Malaysia masih lagi rendah meskipun terdapat peningkatan prestasi dalam PISA 2018 berbanding pencapaian pada tahun 2015. Dari segi kedudukan pencapaian pula, ternyata Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara maju yang terlibat (Hin, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Soalan- soalan yang dikemukakan PISA adalah soalan yang berbentuk KBAT. Namun, para pelajar dikesan masih lemah dalam mengaplikasikannya (A. H. Abdullah, Surif, & Ibrahim, 2014). Ini termasuklah bagi pencapaian mata pelajaran pendidikan Islam yang dikesan masih lagi rendah akibat faktor kurangnya pendedahan terhadap kaedah pembelajaran berteraskan KBAT (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017).

Antara cabaran utama dalam memastikan pencapaian KBAT pelajar berjaya direalisasikan adalah isu berkaitan dengan kaedah pengajaran guru yang kurang menerapkan unsur KBAT. Dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) melaporkan bahawa kebanyakan guru masih dilihat gagal dalam melaksanakan pendekatan pengajaran konstruktif iaitu pengajaran yang memberi keutamaan kepada penglibatan pelajar sewaktu sesi pdp berlangsung. Hal ini berlaku kerana kerana kebanyakan guru lebih gemar memilih untuk mengamalkan pengajaran berbentuk format

syarahan, tidak memahami konsep KBAT sebenar (Talhah & Aderi,2016) serta berpegang kepada definisi konsep KBAT yang berbeza-beza (Amir Khan et al.2016).

Selain itu, isu berkenaan pengajaran berteraskan KBAT khususnya kajian tinjauan yang dijalankan kepada guru Pendidikan Islam menyatakan bahawa guru pendidikan Islam lebih cenderung menggunakan buku teks dan kurang berminat untuk memanfaatkan BBM ketika mengajar (Mohd Syaubari, 2020). Selain itu, guru juga merasakan bahawa tahap kefahaman pelajar yang berbeza-beza menyukarkan mereka untuk menerapkan pengajaran berunsur KBAT terutamanya apabila mengajar murid di kalangan kelompok yang sederhana atau lemah. Mereka juga turut menghadapi masalah dalam membuat penilaian KBAT khususnya dalam aspek pemberian markah kerana skor markah bagi KBAT adalah tinggi (Norasmahani, Nur Sofiah, Nur Syamira, & Khadijah, 2016).

Justeru, dalam menyelesaikan permasalahan ini, suatu pendekatan pengajaran yang sesuai perlu diperkenalkan agar perubahan terhadap KBAT ini dapat ditangani dengan baik. Penekanan kepada kesedaran guru amatlah penting dalam memastikan pengajaran KBAT ini berjaya. Transformasi pengajaran perlu dilakukan agar kaedah pengajaran secara tradisional yang hanya menumpukan kepada guru (*teacher-centred*) dapat diubah kepada pengajaran konstruktivis iaitu yang lebih mengutamakan penglibatan pelajar (*student-centered*) dalam proses pembelajaran (Yen & Halili, 2015). Sebagai alternatif, Pedagogi Hikmah merupakan satu pendekatan pengajaran lain yang dilihat dapat membantu dalam menyelesaikan berkenaan dengan permasalahan KBAT ini.

Secara umumnya, Pedagogi Hikmah ini menekankan pendekatan inkuiri falsafah berpandukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif, al-Qur'an dan pengalaman praktikal (Wan Mazwati, 2018). Pedagogi ini terhasil melalui program falsafah kanak-kanak (P4C) yang diasaskan Lipman seorang professor dari *Columbia University*. Pelbagai kajian keberkesanan berkenaan pedagogi ini telah dijalankan dan mendapati bahawa majoriti hasil dapatan membuktikan kesan yang sangat positif khususnya dalam meningkatkan kemahiran berfikir dan kemahiran intrapersonal pelajar yang telahpun dikaji dalam pelbagai bidang matapelajaran seperti sains, matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, sivik dan moral. (Hafizhah & Rosnani, 2020; Lina Mursyidah, 2015; Moomala & Rosnani, 2006; Rosnani, Wan Mazwati, Madihah, & Rosemaliza, 2018; Wan Mazwati, 2018; Wan Mazwati, Abdul Shakour, & Lina Mursyidah, 2018).

Sehubungan dengan itu, satu kajian pembangunan modul pedagogi Hikmah bagi subjek pendidikan Islam khusus bagi bahagian sirah dan akhlak akan dibangunkan berikutan terdapat kelompongan dalam dua bahagian ini yang masih belum dikaji dengan menggunakan Model ADDIE. Berdasarkan model ini, setiap modul yang ingin dibangunkan perlu menjalani proses analisis keperluan terlebih dahulu. Maka, penulisan ini merupakan hasil dapatan fasa analisis keperluan bagi tujuan mengenal pasti keperluan modul yang bakal dibangunkan.

## 2. Kajian Kepustakaan

### 2.1 Pedagogi Hikmah

Perkembangan Pedagogi Hikmah di Malaysia bermula dari hasil usaha seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) iaitu Profesor Rosnani Hashim dan kumpulan penyelidik beliau. Mereka menjalankan penyelidikan bagi mengkaji keberkesanan Program Kemahiran berfikir atau *Philosophy for Children (P4C)* yang telah diasaskan oleh Matthew Lipman, seorang Profesor bidang Falsafah daripada Columbia University New York pada tahun 1970-an. Program ini diasaskan oleh Lipman hasil dari pengalaman beliau yang berdepan dengan kelemahan mahasiswa tahun satu di Universiti

dalam proses mena'akul dan membuat pertimbangan. Oleh itu, beliau mencetuskan satu idea program pedagogi yang berasaskan metod inkuiri falsafah dengan pembentukan satu komuniti inkuiri atau kumpulan penyiasat yang diberi peranan untuk mencari makna di sebalik sesuatu konsep atau idea melalui kaedah Sokratik.

Maka, Pedagogi Hikmah teretus hasil dari adaptasi Program Kemahiran berfikir atau *Philosophy for Children (P4C)* ini. Pemberian nama Pedagogi Hikmah ini telah dipilih bersempena dari pengambilan istilah "Hikmah" iaitu yang memberi maksud kebijaksanaan. Selain itu, istilah hikmah juga diambil dari sumber wahyu iaitu al-Qur'an iaitu melalui:

- I. Surah *al-Baqarah*: 269 yang bermaksud: "Allah memberikan Hikmah kepada sesiapa yang dikehendakiNya. dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak"
- II. Surah *al-Jumu'ah*: 2 yang memerihalkan bahawa seorang Rasul telah diutus untuk: "membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka, dan mengajarkan mereka Kitab Allah dan Hikmah."

Berinspirasi Program Kemahiran berfikir (P4C) yang diasaskan Lipman, Pedagogi Hikmah diperluas di Malaysia dengan menjadikan kaedah falsafah inkuiri sebagai medium utama pengajaran yang membantu mencetuskan pertanyaan-pertanyaan berbentuk falsafah di kalangan pelajar disamping melibatkan mereka secara langsung dalam sesi perbincangan yang dirancang. Menurut Wan Mazwati (2018), untuk menyoal dan berbincang tentang perkara falsafah maka ianya memerlukan kemahiran falsafah berfikir yang merangkumi aspek kritikal, kreatif, mengambil berat dan kemahiran berfikir secara kolaboratif.

Dari segi objektif pula, Pedagogi Hikmah dan Program Kemahiran berfikir (P4C) berkongsi objektif yang sama, namun perbezaannya terdapat satu tambahan objektif pada pedagogi Hikmah iaitu mentadabbur dan memahami al-Qur'an, dan as- Sunnah dengan lebih mendalam dan bermakna (Rosnani, Wan Mazwati, Madihah, & Rosemaliza, 2018).

## **2.2 Kaedah pelaksanaan Pedagogi Hikmah**

Terdapat tiga fasa bagi pelaksanaan pedagogi Hikmah ini:

Pada fasa pertama iaitu fasa pembacaan, pelajar digalakkan untuk berfikir secara mendalam, memahami apa yang diperkatakan dan dicadangkan, menyatakan apa yang menarik dan digemari, menemui sendiri apa yang diandaikan, menafsir apa yang tersirat dan meneka apa yang ingin disampaikan, menyiasat perbezaan pendapat. Fasa ini merupakan jambatan kognitif yang membawa fikiran biasa kepada pemikiran yang berfokus. Bahan bacaan atau dipanggil bahan perangsang perlulah mempunyai ciri-ciri berbentuk masalah, mengandungi unsur kesamaran / keraguan, terselit unsur tidak logik/munasabah dan menimbulkan kekeliruan konseptual supaya pelbagai tafsiran yang bermakna dapat diberi. Fasa kedua pula adalah fasa pertanyaan. Ketika ini pelajar akan diminta memilih soalan yang ingin dibincang bersama. Hasil daripada pertanyaan ini akan mewujudkan ruang kepada sesi dialog, kritikan diri dan pembaikan diri. Pada fasa ini juga, satu jenis soalan penting iaitu soalan lanjutan perlu diutarakan agar perbincangan menjadi lebih mendalam.

Seterusnya, fasa terakhir iaitu fasa perbincangan adalah bertujuan untuk mencari jawapan dan penjelasan. Fasa ini adalah fasa dimana pelajar akan aktif berdialog sesama

mereka. Setiap pelajar akan mengutarakan aspek yang dirasakan bermasalah berkenaan sesuatu idea dari pembacaan dan persoalan yang diberikan. Ia secara tidak langsung menimbulkan pelbagai penafsiran yang berbeza dan sewaktu fasa ini teknik berfalsafah dilatih dan diaplikasikan. Ketika ini pelajar juga dilatih untuk beradab iaitu bersabar dan menunggu giliran untuk memberi pendapat masing-masing. Di akhir fasa ini, mereka akan membuat pertimbangan secara bersama secara rasional dan meraikan kepelbagaian pendapat dan idea dari rakan-rakan (Rosnani, 2018).

Sepanjang sesi ini berlangsung, guru bertindak sebagai fasilitator yang bertanggungjawab dalam membantu, mencungkil tema dan mengarah kepada tema jika tema gagal dikesan oleh pelajar. Disamping itu, guru perlu mengaitkan tema yang dibincangkan dengan pengalaman hidup pelajar lantas memandu mereka untuk menterjemahkannya melalui tingkah laku harian. Bukan itu sahaja, guru berperanan mewujudkan pelbagai perspektif lain bagi membuka minda mereka. Rosnani Hashim, Wan Mazwati, Madidah, & Rosemaliza (2018) pula menegaskan bahawa guru perlu bijak dan kreatif mencungkil perbincangan agar ia jadi lebih mendalam.

### **2.3 Keberkesanan Pedagogi Hikmah**

Terdapat pelbagai kajian mengenai keberkesanan Pedagogi Hikmah telah dijalankan di Malaysia. Kajian awal bermula dengan kajian eksperimen yang telah dijalankan sendiri oleh Profesor Rosnani bertujuan mengkaji keberkesanan penggunaan falsafah di sebuah sekolah rendah Islam di Gombak. Hasil kajian mendapati kaedah falsafah membantu meningkatkan kemahiran berfikir secara kritikal pelajar khususnya dari aspek penaakulan. (Rosnani, 2003). Selain itu, dapatan kajian oleh Hafizah & Rosnani (2019) juga mendapati bahawa pedagogi *Philosophy for Children (P4C)* berkesan membantu dalam meningkatkan daya fikir kritikal dan penaakulan moral dalam kajian yang dijalankan di sebuah sekolah menengah bagi subjek Pendidikan moral. Selain membantu dalam meningkatkan keupayaan berfikir pelajar, Rosnani, Suhailah, & Adesile, (2014) mendapati bahawa program Hikmah yang dijalankan juga berpengaruh dalam meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi pelajar.

Di samping itu, kajian pelaksanaan pedagogi Hikmah bagi subjek akidah Pendidikan Islam yang dijalankan oleh Wan Mazwati, Preece, & Lina Mursyidah (2018) membuktikan bahawa pedagogi Hikmah berhasil membantu pelajar untuk lebih mudah memahami dan mendalami topik pengajaran secara mendalam tanpa bergantung kepada buku teks semata-mata. Pelajar turut menyatakan bahawa mereka berasa seronok dan teruja dengan pendekatan pengalaman pengajaran yang agak berlainan berbanding dengan pendekatan yang biasa mereka lalui sebelum ini. Selari dengan dapatan ini, kajian oleh Rosnani & Hendon (2020) membuktikan bahawa pedagogi Hikmah menggunakan kisah-kisah dari al-Quran berjaya menarik minat pelajar untuk mendalami ilmu Pendidikan Islam terutamanya apabila mereka diberikan peluang untuk saling menyoal dan berhujah sesama rakan mereka dengan mematuhi adab seperti berlapang dada dalam menerima pandangan rakan yang lain.

Antara kajian lain berkenaan keberkesanan aplikasi Pedagogi Hikmah dilihat dari aspek pengajaran bahasa. Contohnya, kajian oleh Moomala & Rosnani, (2006) berjaya membuktikan bahawa P4C membantu memberikan peningkatan positif terhadap kemahiran membaca pelajar selain menghasilkan kualiti penulisan yang bercirikan soalan aras tinggi, penulisan berbentuk perbincangan dan penulisan diari yang terperinci. Kemudian hasil kajian Rosnani et al., (2018) menunjukkan bahawa Pedagogi Hikmah berjaya meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa dan meningkatkan kemahiran 5K pelajar. Pelajar juga didapati positif terhadap pembelajaran menggunakan pedagogi hikmah ini kerana ia menyeronokkan dan dapat memberikan pengalaman serta peluang untuk mereka terlibat secara langsung dalam sesi

perbincangan. Abdul Shakour (2013) dalam kajian keberkesanannya sewaktu menjalankan bagi subjek Bahasa Inggeris di Pusat Persediaan Bahasa (CELPAD), UIA pula mendapati bahawa mahasiswa yang terlibat dengan pengajaran pedagogi Hikmah mengakui bahawa kaedah komuniti inkuiri dalam pedagogi ini membantu meningkatkan motivasi dalaman mereka serta membantu proses kefahaman mereka dengan lebih baik. Malahan mereka turut menyatakan bahawa, kaedah ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk saling berkongsi pandangan dan mendalami isi pengajaran dengan lebih mendalam sesama rakan mahasiswa yang lain.

Jika diteliti, aplikasi pedagogi Hikmah serta keberkesanannya dalam meningkatkan tahap berfikir pelajar telahpun dijalankan meliputi pelbagai bidang mata pelajaran seperti Pendidikan Islam (Lina Mursyidah, 2015; Rosnani & Hendon, 2020; Wan Mazwati, Preece, et al., 2018), Bahasa Inggeris (Abdul Shakour, 2013; Moomala & Rosnani, 2006), Bahasa Melayu, sejarah, sains dan Matematik (Rosnani, 2018), Pendidikan Moral (Hafizhah & Rosnani, 2020), Sivik dan Kewarganegaraan (Nazatul Akmar, 2020). Meskipun kajian dalam bidang Pendidikan Islam telah dijalankan, namun kajian yang telah dijalankan sebelum ini lebih memberi penumpuan kepada bahagian akidah dan al-Quran. Justeru, kajian pembangunan modul ini akan membuat penumpuan khusus kepada bahagian sirah dan akhlak yang mana bidang ini masih belum meluas kajiannya setakat hari ini.

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan model ADDIE dalam pembinaan modul Pedagogi Hikmah bagi subjek pendidikan Islam tingkatan 1. Model ADDIE ini mempunyai lima fasa iaitu (1) analisis (*Analyze*), (2) Rekabentuk (*Design*), (3) Pembinaan (*Develop*), (4) Pelaksanaan (*Implement*), (5) Penilaian (*Evaluate*) seperti di bawah:

#### 1. Fasa Analisis

- Penyelidik kenal pasti masalah kajian, sasaran dan keperluan
- Analisis keperluan menggunakan kaedah temubual ke atas 2 orang guru pendidikan Islam tingkatan 1
- Analisis keperluan untuk mendapatkan tema

#### 2. Fasa Rekabentuk

- Penyelidik akan mengambil kira penentuan teori pembelajaran yang bersesuaian iaitu teori konstruktivisme.
- Teori psikologi pula adalah teori Lev Vygotsky dan John Dewey

#### 3. Fasa Pembangunan

- Pada peringkat pembangunan pula, dapatan kajian keperluan diambil kira bagi memantapkan pembangunan modul Pedagogi Hikmah selain penggunaan kajian literatur.
- Pembangunan modul ini akan memuatkan rancangan pengajaran harian, novel atau teks cerita pendek dan aktiviti pengukuhan.
- Kemudian satu kajian rintis akan dijalankan bagi melihat kesahan, kebolehpercayaan kebolegunaan modul tersebut.

#### 4. Fasa Pelaksanaan

- Penyelidik akan melaksanakan modul Pedagogi Hikmah itu ke atas tiga buah sekolah menggunakan kaedah kajian tindakan.

## 5. Fasa Penilaian

- Penyelidik akan menilai kebolegunaan modul Pedagogi Hikmah dengan cara mengambil data pemerhatian dan data temubual serta dokumen untuk di analisis menggunakan kaedah tematik analisis dan analisis kandungan.

Pada fasa analisis, penyelidik mengenal pasti permasalahan, sasaran dan keperluan pembangunan modul. Kaedah kualitatif digunakan untuk analisis keperluan, yang menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap dua orang guru pendidikan Islam yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dipilih dari sekolah yang berbeza. Kaedah ini digunakan Rashidah (2020) bagi mendapatkan data analisis keperluan untuk pembinaan modul latihan kemahiran metakognitif guru (M-PA21). Teknik persempelan dilakukan secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan *homogenous* tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan kajian dipilih berdasarkan kriteria guru yang mengajar berpandukan kurikulum KSSM tingkatan satu dan mempunyai pengalaman mengajar pendidikan Islam sekurang-kurang tiga tahun.

Kemudian pada fasa rekabentuk, penyelidik akan mengambil kira penentuan teori pembelajaran yang bersesuaian. Teori pembelajaran yang terlibat adalah seperti teori konstruktivisme, teori kognitif dan teori behaviorisme. Teori-teori ini akan diguna pakai bagi merancang pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan mampu memberi impak positif kepada pelajar. Pada fasa pembangunan pula, dapatan kajian keperluan akan diambil kira bagi memantapkan pembanguan modul Pedagogi Hikmah selain penggunaan kajian literatur. Pembangunan modul ini memuatkan rancangan pengajaran harian, novel atau teks cerita pendek dan aktiviti pengukuhan. Hal ini akan memudahkan para guru untuk mengajar dan melaksanakan modul Pedagogi Hikmah kepada anak murid mereka. Setelah itu, modul tersebut akan diberi kepada pakar untuk pengesahan kandungan menggunakan adaptasi borang soal selidik (Noah & Ahmad, 2005).

Kemudian satu kajian rintis akan dijalankan bagi melihat kebolegunaan modul tersebut. Setelah itu, pada fasa pelaksanaan, penyelidik akan membuat pemurniaan daripada dapatan kajian rintis tersebut sebelum melaksanakannya ke atas kajian yang sebenar. Kemudian, penyelidik melaksanakan modul Pedagogi Hikmah itu ke atas tiga buah sekolah. Pada fasa penilaian pula, penyelidik menilai kebolegunaan modul Pedagogi Hikmah untuk pelajar tingkatan 1 ini dengan cara mengambil data pemerhatian dan data temubual serta dokumen untuk di analisis menggunakan kaedah tematik analisis dan analisis kandungan. Oleh itu, bagi mendapatkan pengetahuan dan masalah yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam, kajian penyelidik di peringkat ini akan menfokuskan hanya kepada fasa pertama sahaja iaitu fasa analisis keperluan.

### 3.1 Sampel kajian

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan modul, temubual terhadap guru subjek pendidikan Islam tingkatan 1 yang berkhidmat di sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dijalankan. Melalui teknik *snowball*, dua orang guru telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan iaitu: 1) mengajar subjek pendidikan Islam tingkatan 1 berdasarkan sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), 2) mempunyai pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam lebih dari 3 tahun.

### **3.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data bagi kaedah temu bual melibatkan dua orang guru berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan sebelum ini. Melalui teknik *snowball*, responden berjaya dijumpai dan persetujuan untuk menemubual diambil secara tidak formal. Setelah mendapatkan persetujuan, pengkaji menghubungi guru terlibat dan menetapkan tarikh untuk melaksanakan temu bual. Data dikumpul melalui temubual separa struktur yang dijalankan berdasarkan tiga aspek utama iaitu kaedah pengajaran, cara pelaksanaan pengajaran, dan cara penerapan kemahiran asas abad ke-21 serta kelemahan-kelemahannya. Antara soalan tambahan yang turut ditanyakan termasuk cara pelaksanaan pengajaran ketika situasi covid -19 melanda negara.

Sebelum sesi temubual terhadap dua responden ini dijalankan, kajian rintis terhadap seorang informan lain yang mempunyai kriteria yang sama dijalankan terlebih dahulu bagi mendapatkan soalan-soalan yang dijangka supaya dapat memberikan maklumat yang lebih baik. Kemudian teks temu bual tersebut dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang telah diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar iaitu kepada dua orang responden tadi. Setelah tamat proses temu bual dan pengumpulan data dalam kajian sebenar, pengkaji membuat proses transkripsi dan hasil transkripsi dihantar kepada informan untuk disemak terlebih dahulu. Setelah transkrip disemak dan dipersetujui, informan disaran menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan segala maklumat temu bual tersebut adalah benar seperti yang mereka maksudkan. Setelah itu, transkrip temu bual yang telah disahkan dianalisis oleh pengkaji menggunakan indeks. Proses mengindeks transkrip dilakukan dengan melabelkan kod tersendiri pada setiap informan kajian. Data temu bual dikategori, disubkategori dan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan bagi menghasilkan tema (Miles, Huberman, & Saldana, 2014)

### **3.3 Kaedah Analisis Data**

Analisis data temubual ini menggunakan kaedah analisis tematik, yang digunakan untuk menerangkan data dan maklumat penyelidikan dalam bentuk kualitatif. Menurut (Braun & Clarke, 2006) analisis tema adalah satu kaedah bagi mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak tema dalam data. Oleh itu, analisis temubual kajian ini berpandukan kepada enam langkah analisis tema yang diasaskan oleh Braun & Clarke (2006) sendiri iaitu (1) biasakan diri dengan data kajian, (2) membina kod-kod tertentu, (3) cari tema-tema kajian, (4) menilai tema-tema yang ditemui, (5) memberi definisi dan namakan tema kajian, dan (6) penyediaan laporan.

Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan kaedah pengajaran, cara pelaksanaan pengajaran, dan cara penerapan kemahiran asas abad ke-21 serta kelemahan-kelemahannya termasuk penerapan pengajaran kemahiran asas abad ke-21 sewaktu covid -19. Tema-tema ini dikaitkan antara satu sama lain bagi membentuk hasil kajian yang tepat dan berkualiti. Pembinaan yang dilakukan adalah untuk mendapatkan pengetahuan berkenaan masalah dan keperluan dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam tingkatan 1.

### **3.4 Kesahan dan kebolehpercayaan**

Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang digunakan sewaktu sesi temubual, soalan-soalan tersebut telah pun terlebih dahulu mendapatkan semakan dan penelitian dari pakar bidang yang berpengalaman serta dijalankan ujian-pra terhadapnya. Ini bagi memastikan soalan yang diajukan relevan dan tidak lari dari konteks kajian.

### 3. Dapatan Kajian

Setelah maklumat data diperoleh, proses transkripsi dilakukan dan analisis tema dijalankan Terdapat lima tema keperluan bagi pengajaran pendidikan Islam yang dibina berdasarkan maklumat yang diberikan informan. Lima tema tersebut adalah seperti berikut:

#### 3.1 Tema 1: Berpusatkan pelajar

Kedua-dua informan mengatakan bahawa kaedah pengajaran yang sesuai dilaksanakan bagi subjek pendidikan Islam adalah pengajaran yang berpusatkan pelajar memandangkan kaedah ini merupakan suatu pendekatan yang dilihat amat penting dalam *stail* pengajaran abad ke-21. Contoh penyataan informan 1 dan 2:

*“Kerja sama kumpulan ni adalah sangat penting, sebab apa dalam student- centered kerjasama kumpulan ni perkara yang penting lah. Maknanya pelajar akan membina esteem sendiri lah. Maknanya sekarang kita pengajaran berpusatkan pelajar...” (DUI15)*

*“Tapi dalam era globalisasi ini kita terpaksa juga mengikut aruslah. Jadi kita guru ni mesti kalau dia ikut kerajaan dia perlu melaksanakan PAK 21 dalam pengajaran. Jadi Pendidikan Islam tidak menjadi masalah lah dalam kita nak laksanakan aktiviti PAK 21 ni kita kena cari topik yang sesuai lah yang kena topik yang kita nak ajar” (DUI22)*

Sebagai tambahan, menurut informan 2, beliau mengatakan bahawa biarpun pengajaran berpusatkan pelajar ini penting, namun peranan guru dalam pengajaran pendidikan Islam amatlah diperlukan. Maklumat penting dan fakta seperti latar belakang ilmu pendidikan Islam itu sendiri memerlukan penyampaian langsung dari guru. Contoh pernyataan informan 2 ini ialah:

*“Pada pandangan sayalah sepatutnya Pendidikan Islam ni guru yang menyampaikan ilmu kepada murid kerana sumber ilmu agama ni adalah kalau kita tengok daripada banyak daripada al-quran dan hadis bidang ilmu agama ni luas Jadi ada ada nas dalil fakta yang yang perlu pada guru lah. Jadi ilmu ni perlu diperturunkan oleh guru. Setelah selesai ilmu tu diajar barulah mungkin ada perbincangan atau pun ada soal jawab’ (DUI22)*

#### 3.2 Tema 2: Aktiviti PAK 21

Kedua-dua informan megatakan bahawa mereka melaksanakan pengajaran dengan menerapkan pelbagai aktiviti pengajaran PAK 21 untuk menarik minat murid. Antara contoh aktiviti yang dilaksanakan adalah *Gallery walk*, *Think-pair-share*, *Kuiz / pertandingan*, *Peta I-Think*.

*“Ada satulah walk learning. Maknanya pelajar kita tampal di satu dinding tu dan mereka akan bergerak lah dalam kumpulan dan tulis dekat manilakat yang kita tampal tu. Ni pelajar yang bergerak. Maknanya aktiviti ni pelajar akan bergerak satu ke satu tempat mengikut kumpulan. Iya dia macam walk gallery lah ye”. (DUI19)*

*“Ada macam kalau perbincangan kumpulan pun ada juga yang jenis gallery walk tu. Dia bincang dulu sama-sama dia lepastu dia bentangkan pembentanganlah. Maksudnya*



*perbincangan, ada pembentangan kumpulan ataupun kita gunakan Think-pair-share, presentation PowerPoint buat sendirilah”. (DUI28)*

### **3.3 Tema 3: Pembelajaran Kolaboratif**

Pembelajaran yang melibatkan kerjasama antara sesama murid dilihat sebagai kaedah pengajaran yang digemari oleh pelajar. Sebagai contoh dalam kenyataan informan:

*“kalau kita lihat pelajar ni sebenarnya dia seronok. Bila dia buat kerja kumpulan ni dia lebih seronok sebenarnya sebab dia dapat keluarkan dia punya idea-idea dia” (DUI15)*

*“Ataupun kita buat kuiz kita buat kuiz bagi budak seronok kuiz online lagi ataupun guys kalau dengan kalau dalam kelas tu tak ada macam sekolah kita prasarana tak cukup kan kita kuiz dalam kelas jelah tak bawalah dalam makmal komputer kalau ada masa kita guna makmal kita tak kita bagi biasanya kita akan buat kuiz pertandingan kita bagi tajuk apa semua dia orang buat pertandingan sama-sama semua” (DUI28)*

### **3.4 Tema 4: Menyeronokkan**

Antara pendekatan lain yang dilaksanakan dalam pengajaran pendidikan Islam adalah aktiviti-aktiviti yang bersifat menyeronokkan dan interaktif. Contohnya seperti yang dinyatakan oleh informan 1 dan 2:

*“Macam aktiviti bina replika tu respond dorang seronok lah...” (DUI117)*

*“Kalau ni alhamdulillah setakat ni budak-budak rasa seronok...” (DUI116)*

### **3.5 Tema 5: Perbezaan mengikut tahap kelas serta kemampuan pelajar**

Cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam sewaktu pengajaran adalah latar belakang murid yang berbeza mengikut tahap kelas dan kemampuan. Sebagai contoh informan 1 dan 2 menyatakan bahawa:

*“Kalau kelas awal dia lebih kepada formal, kalau kelas hujung kita kena buat lawak-lawak sikit. Kena banyak movement” (DUI119)*

*“Macam kelas hujung kelas awal dia ada beza. Tapi kadang-kadang dalam satu kelas pon berbeza dia panggil pembelajaran terbeza. Jadi kita sekarang ni dalam PAK-21 ni banyak apa kaedah-kaedah dan teknik kan Kalau satu lagi kita punya sekolah ni sekolah Padang Temu kan Transformasi Nasional TS25 RPH tau RPH Rancangan pengajaran kita kena tulis berbeza tahap tu dalam satu kelas tu dia ada murid yang berbeza dia tak semua satu kumpulan maksudnya penguasaan murid untuk 15 orang murid itu tak sama walaupun dia satu kelas?” (DUI225)*

## **4. Perbincangan**

Lima tema keperluan telah dikenal pasti bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi tujuan pembangunan modul pedagogi Hikmah ini:

#### **4.1 Tema dapatan 1: Berpusatkan pelajar,**

Hasil analisis mendapati bahawa guru pendidikan Islam yang ditemu bual berpendapat bahawa kaedah pdp haruslah berpusatkan pelajar kerana ia merupakan kaedah efektif dan berkesan dalam usaha melibatkan pelajar secara langsung dalam proses pembelajaran (Z. Abdullah, 2011). Melalui kaedah ini, pelajar diberikan peluang dan autonomi dalam proses pembelajaran mereka (Jasmi & Salleh, 2013). Sehubungan itu, komuniti inkuiri dalam pedagogi Hikmah merupakan satu pedagogi yang memperkenalkan asas pendekatan berpusatkan pelajar yang mana pelajar akan dibentuk satu kumpulan bagi mencari kebenaran dan kefahaman terhadap sesuatu masalah yang diberikan melalui proses berhujah, berdialog, melontarkan pandangan dan idea secara bersama (Rosnani, 2013). Walaupun pembelajaran pada hari ini berpaksikan kepada kaedah berpusatkan pelajar, namun guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator ketika sesi pengajaran berlangsung (Hafizhah, Mohd Reduan, Rosnani, & Khadijah, 2020). Sepertimana yang dijelaskan oleh informan 2, peranan guru dalam bidang pendidikan Islam amat penting kerana segala sandaran dalil serta fakta yang digunakan oleh pelajar perlu dipastikan selari dengan kehendak agama.

#### **4.2 Tema dapatan 2: Aktiviti PAK- 21**

Tidak dinafikan bahawa pembelajaran yang mengintegrasikan dengan pelbagai aktiviti seperti aktiviti PAK-21 memberikan impak pembelajaran yang lebih berkesan selain dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri (Sylviana & Siti Mistima, 2020). Melalui aktiviti yang dijalankan, pelajar akan merasai kelainan disamping dapat memaknai pelajaran dengan lebih baik. Melalui aktiviti ini, pelajar bakal termotivasi dan secara tidak langsung akan melibatkan diri secara aktif. Pelbagai aktiviti PAK-21 boleh dilaksanakan sewaktu sesi pengajaran seperti yang dikongsikan oleh informan iaitu *gallery- Walk, quiz, sharing session* dan sebagainya. Oleh itu, modul pedagogi Hikmah yang bakal dibangunkan ini akan turut dilengkapi dengan cadangan aktiviti-aktiviti PAK-21 yang bersesuaian berdasarkan latar belakang topik yang dibincangkan.

#### **4.3 Tema dapatan 3: Pengajaran kolaboratif.**

Pengajaran secara kolaboratif merupakan kaedah yang sangat membantu dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Antara kepentingan pembelajaran kolaboratif adalah untuk membina kemahiran intrapersonal pelajar. Ini kerana pembelajaran kolaboratif menekankan aspek kerjasama sosial dan intelektual sesama ahli kumpulan dalam mempelajari sesuatu perkara (Ramli et al., 2021). Selain itu, pengajaran seperti ini secara tidak langsung melibatkan peranan dan tanggungjawab antara satu sama lain. Misalnya, sepertimana dalam pedagogi Hikmah pada setiap fasa, semua pelajar perlu melibatkan diri seperti melontarkan soalan, idea, pandangan, berdialog, berhujah dan berbincang untuk mencapai kebenaran atau kefahaman. Pembelajaran kolaboratif seperti ini menjadikan pelajar lebih berani dan aktif ke hadapan dalam menyampaikan idea-idea dan nilai-nilai mereka. Malah, mereka dilatih untuk lebih sensitif terhadap idea dan pendapat yang diberikan oleh rakan mereka yang lain (Hafizhah, 2019).

#### **4.4 Tema dapatan 4: Menyeronokkan**

Pembelajaran menyeronokkan merupakan suatu pembelajaran yang diinginkan oleh semua pelajar dan guru. Oleh itu, guru selaku insan yang bertanggung jawab dalam mencipta suasana

pembelajaran yang menyeronokkan perlulah bijak dan kreatif dalam merancang kaedah pengajaran mereka. Kajian lepas mendapati bahawa kebanyakan kaedah pengajaran subjek pendidikan Islam oleh segelintir guru pendidikan Islam masih ditahap yang membosankan dan tidak menarik minat pelajar (Hadi, 2016). Dengan itu, dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran yang menyeronokkan disamping dapat meningkatkan tahap KBAT dan kemahiran diri pelajar, maka pendekatan pengajaran yang menyeronokkan melalui pedagogi Hikmah boleh diaplikasikan. Ini kerana dapatan menunjukkan bahawa pedagogi ini mampu memberikan pengalaman yang menyeronokkan kepada pelajar kerana mereka sentiasa diberi peluang dalam sesi perbincangan terbuka yang dilaksanakan.

#### ***4.5 Tema dapatan 5: Perbezaan mengikut tahap kelas dan kemampuan pelajar***

Hasil perkongsiaan kedua-dua informan, mereka mengatakan bahawa kaedah pengajaran perlu mengikut tahap kelas dan kemampuan pelajar. Tidak dinafikan latar belakang yang berbeza mengikut tahap kemampuan adalah satu perkara yang unik yang perlu diraikan oleh para guru. Namun, kajian mendapati bahawa kaedah pdp yang berpusatkan pelajar dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat membantu dalam usaha melibatkan diri pelajar secara aktif dalam sesi pembelajaran khususnya bagi pelajar yang agak lemah dalam pelajaran. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian pelaksanaan pedagogi Hikmah terhadap golongan pelajar lemah akademik yang dijalankan oleh Wan Mazwati (2018) bahawa melalui pedagogi ini golongan pelajar ini mampu berfikir dan mengeluarkan soalan-soalan KBAT, berhujah, menghurai, membanding beza, menilai dan membuat kesimpulan menggunakan idea dan pendapat sendiri. Malahan, mereka juga didapati secara sukarela berganding bahu dan bekerjasama dalam satu kumpulan sewaktu sesi perbincangan dijalankan.

## **5. Kesimpulan**

Hasil kajian keperluan ini mendapati bahawa terdapat lima aspek keperluan utama yang perlu diambil kira dalam pembangunan modul pedagogi Hikmah ini iaitu 1) berpusatkan pelajar 2) aktiviti PAK 21 3) pembelajaran kolaboratif 4) menyeronokkan dan 5) perbezaan mengikut tahap kelas serta kemampuan pelajar. Berdasarkan tema yang dikenal pasti ini, pedagogi Hikmah dilihat sebagai satu metod pengajaran yang relevan untuk dilaksanakan terhadap pembelajaran subjek pendidikan Islam kerana pedagogi Hikmah menjadikan inkuiri falsafah sebagai asas iaitu dengan mewujudkan satu komuniti inkuiri bagi mencari kebenaran terhadap situasi atau masalah melalui pemberian bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Melalui pedagogi ini, para pelajar dilibatkan secara langsung dalam sesi dialog bersama rakan-rakan mereka yang secara tidak langsung mewujudkan budaya intelektual dan mengasah kemahiran insaniah mereka seperti kemahiran interpersonal dan kemahiran komunikasi. Ianya juga sesuai digunakan kepada semua peringkat latar belakang pelajar.

Justeru, kajian pembangunan modul pedagogi Hikmah ini diharap memberikan implikasi dalam membantu pelajar mengasah dan meningkatkan tahap KBAT mereka kepada tahap yang lebih tinggi disamping membantu mereka dalam aspek perkembangan kemahiran diri. Ianya juga sebagai salah satu usaha bagi mempersiapkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing khususnya dalam mendepani era revolusi industri 4.0 ketika ini. Selain itu, pembangunan modul pedagogi Hikmah yang bakal dibangunkan ini juga diharap bakal membantu para guru pendidikan Islam melaksanakan kaedah pengajaran yang berlainan sebagai alternatif kepada kaedah sedia ada seterusnya membantu mereka dalam mempelbagaikan kaedah pedagogikal sewaktu menjalankan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

## 6. Rujukan

- Abdul Shakour Preece. (2013). Make it mean! Using A “Community of Inquiry” to Improve Language Skills in The ESL Classroom. *IJUM Journal of Educational Studies*, 1(1), 25–54.
- Abdullah, A. H., Surif, J., & Ibrahim, N. (2014). PISA 2012 : Di Mana Kedudukan Malaysia Untuk Subjek Matematik? *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)*. Johor.
- Abdullah, Z. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar Dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Khan, Mohd Aderi Che Noh, & Tarmimi Hussien. (2016). Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Prosiding, Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-11*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using Thematic Analysis in Psychology, Qualitative Research in Psychology* (U. of T. W. England, Ed.). England.
- Hadi, N. A. (2016). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berasaskan Pembelajaran berasaskan Masalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hafizhah Zulkifli. (2019). *The Hikmah ( Wisdom ) Pedagogy , Moral Reasoning And Critical Thinking In A Secondary Moral Education Class*. International Islamic University Malaysia.
- Hafizhah Zulkifli, Mohd Reduan Mahmood, Rosnani Hashim, & Khadijah Abdul Razak. (2020). Hikmah ( Wisdom ) Pedagogy Of Philosophical Inquiry : A Review. *International Journal of Advanced Science and Technology Vol.*, 29(7), 3492–3506.
- Hafizhah Zulkifli, & Rosnani Hashim. (2020). Philosophy for children (P4C) in improving critical thinking in a secondary moral education class. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(2), 29–45. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.2.3>
- Hin, K. K. (2020). PISA 2018 and Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 2(3), 12–18.
- Jasmi, K. A., & Salleh, N. (2013). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. *3 Rd International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pencapaian Malaysia Dalam PISA 2018*.
- Lina Mursyidah Hamzah. (2015). *Using Philosophical Inquiry Method to enhance students' Inquiry Skills in Teaching Aqidah among form 2 students*. IIUM.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data Analysis: A Method*

Sourcebook. USA: Sage Publication Ltd.

Mohd Syaubari Othman. (2020). Issues and Problems in Higher Order Thinking Skills (Hots) of Teaching Practices from Ibn Khaldun's Perspective. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 4(1), 2013–2025.

Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Hubungan Pelaksanaan Komposisi Pembelajaran yang Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( Kbat ) Dengan Pencapaian Pelajar di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Human Development and Communication*, 6(113–128), 113–128.

Moomala Othman, & Rosnani Hashim. (2006). *Critical thinking and reading skills: A comparative study of the Reader Response and Philosophy for Children program approaches Thinking*. 18(2), 26–34.

Nazatul Akmar Mokhtar. (2020). *Philosophical Inquiry Approach In The Civic And Citizenship Education In A Malaysian Secondary School*.

Noah, S. M., & Ahmad, J. (2005). *Module development: How to develop training modules and academic modules*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Shuhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, M. K. C. I. M. A. C. N., & Khadijah Abdul Razak. (2016). Pelaksanaan kbat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Putrajaya. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, 1(0), 361–375.

Ramli, S., Taufiq, M., Ghani, A., Ab, W., Wan, A., & Atoh, N. (2021). Collaborative Learning To Enhance Arabic Speech Skills Among Students Of Bachelor 's Degree (ISM) In Arabic Language With Education At Sultan Idris Education. *Psychology and Education*, 58(2), 1854–1860.

Rashidah Karnain. (2020). *Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Latihan Kemahiran Metakognitif Guru (M-PA21) Dalam Pengajaran dan Penerapan Kemahiran Asas Abad ke-21*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosnani Hashim. (2013). Memenuhi aspirasi kemahiran berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru. *Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan*, 1–10.

Rosnani Hashim. (2018). Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21 (The Application of the Hikmah (Wisdom) Pedagogy in the Teaching of Malay and English Language in the 21st Century). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(02), 37–47. <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.02-04>

Rosnani Hashim, & Hendon Alias. (2020). Developing High-Order Thinking in Primary School Students through Qur ' anic Stories and the Hikmah Pedagogy of Philosophical Inquiry. *IIUM Journal of Educational Studies*, 1, 89–111.

Rosnani Hashim, Suhailah Hussien, & Adesile M.Imran. (2014). Hikmah (wisdom) pedagogy and students' thinking and reasoning abilities. *Intellectual Discourse*, 22(2), 119–138.

- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, S. H., Madihah Khalid, & Rosemaliza Kamalludeen. (2018). Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 37–47. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-04>
- Sylviana Mantihal, & Siti Mistima Maat. (2020). Pengaruh Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Terhadap Minat Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Satu Tjauan Sistemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 82–91.
- Talhah Ajmain, & Aderi Che Noh. (2016). Kefahaman Ilmu Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Mampu Melahirkan Murid Yang Mengajar. Prosiding, Wacana pendidikan Islam siri ke-11. *Prosiding, Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-11*.
- Wan Mazwati Wan Yusoff. (2018). The Impact of Philosophical Inquiry Method on Classroom Engagement and Reasoning Skills of Low Achievers. *Journal of Curriculum and Teaching*, 7(1), 135. <https://doi.org/10.5430/jct.v7n1p135>
- Wan Mazwati Wan Yusoff, Preece, A. S., & Lina Mursyidah Hamzah. (2018). Students' Experiences in Teaching and Learning Islamic Education Using Philosophical Inquiry Method. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 12(2), 266. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v12i2.9492>
- Wan Mazwati Wan Yusoff, S. H., Abdul Shakour Preece, & Lina Mursyidah Hamzah. (2018). Students' Experiences in Teaching and Learning Islamic Education Using Philosophical Inquiry Method. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 12(2), 266. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v12i2.9492>
- Yen, T. S., & Halili, S. H. (2015). Effective teaching of higher-order thinking ( HOT ) in Education. *The Online of Distance Education and E-Learning*, 3(2), 41–47.